

# Pusat Amaran Global pemantau proses globalisasi

UM 15 MAR 2000

KUALA LUMPUR 14 Mac — Pusat Amaran Global perlu ditubuhkan dalam usaha mengkaji dan memantau proses globalisasi yang akan memberi kesan kepada negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, melalui pusat tersebut, perancangan strategik untuk menghadapi segala bentuk cabaran dan implikasinya dapat dirangka pada masa akan datang.

“Kita perlu menggabungkan kemahiran dan kebijaksanaan dalam pelbagai sektor utama termasuk diplomatik, ekonomi, perdagangan dan kewangan serta sains dan teknologi untuk menghadapi sebarang perubahan yang akan datang,” katanya.

Teks ucapan beliau bertajuk ‘Pemasaran Malaysia dalam Persekitaran Globalisasi: Isu dan Cabarannya’ dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak pada majlis Meja Bulat Eksekutif

anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini hari ini.

Syed Hamid memberitahu globalisasi perdagangan telah meletakkan Malaysia tersenarai di tangga ke-17 negara pengeksport terbesar di dunia dengan lebih dagangan sebanyak RM72.3 bilion tahun lalu.

Katanya, kejayaan ini adalah hasil daripada globalisasi kepada ekonomi negara dan telah membuka peluang pelaburan kepada syarikat multinasional asing melabur di Malaysia.

“Cabaran utama kita sekarang ialah mengaut keuntungan daripada proses tersebut dan pada masa yang sama aspek-aspek negatifnya perlu juga diminimumkan,” jelasnya.

Menteri itu memberitahu, dalam usaha menjadikan Malaysia maju dalam dunia baru globalisasi ini, rakyatnya perlu mengubah cara pemikiran dan pengurusan diri masing-masing.